



18 JUN, 2025

## Teknologi AI bantu popularkan silat

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

# Teknologi AI bantu popularkan silat

Seni bela diri menjadi satu senaman menyihatkan badan jika diamalkan

Oleh ASWANY OMAR  
MACHANG

Seni silat Melayu tidak mungkin terpinggir ketika dunia kini semakin menerima teknologi kecerdasan buatan (AI).

Penasihat Bersama Kumpulan Karangkraf, Datuk Muhammad Nasir Hamzah berkata, silat boleh dipopularkan kepada pelajar dengan mewajibkan sebagai salah satu sukanan pelajaran berujuan mengekalkan warisan Melayu.

Menurutnya, walaupun bukan untuk mempertahankan diri, namun seni silat perlu diiktifikan supaya tetap dikenali generasi akan datang.

"Silat tidak semestinya untuk mempertahankan diri tetapi sebagai senaman dan pergerakan menyihatkan badan," katanya ketika merasmikan Majlis Pembukaan



Program Cekak: International Art Exhibition 2025 di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Machang pada Selasa.

Hadir sama, Penasihat Persatuan Silat Cekak UiTM Cawangan Kelantan, Dr Mohammed Iqbal Badaruddin dan Timbalan Rektor (Penyelidikan dan Jaringan Industri), Dr Norzieha Mustapha.

Beliau turut mencadangkan sistem pemarkahan dilaksanakan supaya pelajar berminat mengikuti program silat diperkenalkan.

Bagaimanapun katanya, warisan berkenaan akan ketinggalan jika tiada pelapis yang mempertahankan seni bela diri itu.

Sementara itu, Dr Mohammed Iqbal berpendapat, teknologi AI hanya satu peralatan membantu kemajuan dunia maju dan tidak mampu memenggantikan seni warisan Melayu termasuk silat.

"Kita menyambung legasi tetapi perlu sesuaikan dengan teknologi hari ini terutama untuk menarik minat generasi muda termasuk pelajar," katanya.

Justeru, katanya, antara cara mengajak golongan muda menyertai seni silat ialah melalui visual dan penggunaan teknologi AI.



Muhammad Nasir menandatangani poster sebagai simbolik merasmikan Majlis Pembukaan Program Cekak: International Art Exhibition 2025 di UiTM Machang pada Selasa.

"Kita tidak boleh menghalang golongan muda mempelajari AI kerana melalui cara itu mereka boleh mengenal dengan lebih dekat warisan seni silat Melayu," katanya.

Terdahulu, Program berkenaan dianjurkan Persatuan Silat Cekak UiTM Cawangan Kelantan dengan kerjasama Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka UiTM Cawangan Kelantan dan Digit 360.



18 JUN, 2025

## Teknologi AI bantu popularkan silat

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

Seni bela diri menjadi satu senaman menyihatkan badan jika diamalkan

Seni silat Melayu tidak mungkin terpinggir ketika dunia kini semakin menerima teknologi kecerdasan buatan (AI). Penasihat Bersama Kumpulan Karangkraf, Datuk Muhammad Nasir Hamzah berkata, silat boleh dipopularkan kepada pelajar dengan mewajibkan sebagai salah satu sukan pelajaran bertujuan mengekalkan warisan Melayu. Menurutnya, walaupun bukan untuk mempertahankan diri, namun seni silat perlu diaktifkan supaya tetap dikenali generasi akan datang.